

# Selamat Pagi Cikgu terhasil dari MoU North Borneo, UMS

DE 9-7-144

**M**EMORANDUM Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara syarikat produksi tempatan, North Borneo Media Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menampakkan hasilnya dengan penghasilan telefilem berjudul *Selamat Pagi Cikgu*.

Telefilem yang dihasilkan untuk siaran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) itu merupakan hasil penerbitan kedua selepas sebuah dokumentari penyelidikan bertajuk *Sunduk Omadal* pada 2012.

Pengurus North Borneo, Alinah Osman berkata, penerbitan telemovie dan dokumentari secara bersama itu memberi faedah kepada kedua-dua pihak terutamanya bagi memberi peluang kepada pelajar UMS melibatkan diri dalam produksi sebenar yang diuruskan secara profesional melalui gabungan kepakaran.

Menurut Alinah, kebanyakan tenaga produksi dan pelakon telemovie tersebut terdiri daripada kakitangan dan pelajar UMS daripada program Seni Kreatif dan Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

"Selain daripada pelakon terkenal Zahiril Adzim, lebih 90 peratus pelakon yang terlibat terdiri daripada pelajar UMS dan bekas pelajar yang ketika ini mengikuti pengajian dalam bidang seni kreatif seperti teater, seni penulisan dan seni tari."

*Selamat Pagi Cikgu* yang diarahkan oleh Azeli Mohamad itu mengisahkan seorang guru lepasan ijazah yang dihantar bertugas di kawasan luar bandar di Sabah.

Namun selepas mengajar beberapa bulan, dia akhirnya tertarik dengan kehidupan di kampung dan masyarakatnya sehingga dia berazam untuk menjadi guru yang cemerlang.



SEBAHAGIAN pelajar program Seni Kreatif, FKSW yang terlibat sebagai pelakon *Selamat Pagi Cikgu*.



PROSES penggambaran yang dilakukan di Kampung Limau-limauan, Kudat.